جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

# Fakulti Syariah dan Undang-undang
# Semester II, Sesi Akademik 2014/2015

## Kertas Soalan Peperiksaan

**Kod Kursus** : **SL 2402**
**Nama Kursus** : **Pengenalan kepada Undang-Undang dan Sistem Perundangan Brunei**
**Tahap Kursus** : **Sarjana Muda Syariah**
**Masa** : **3 jam**

**Nota:**
Jawab **EMPAT** soalan dari soalan-soalan berikut.

بسم الله الرحمن الرحيم

**Soalan 1 (15 markah)**

(a) Nyatakan makna 'undang-undang' dan fungsinya.

(5 markah)

b) Terangkan lima (5) perbezaan di antara undang-undang dan moral.

(5 markah)

c) Nyatakan mengenai falsafah "*Utilitarianism*" oleh John Stuart Mill dan jelaskan pendapatnya mengenai undang-undang dan moral.

(5 markah)

**Soalan 2 (15 markah)**

(a) Keputusan kehakiman (*Judicial precedent*) menjadi salah satu sumber undang-undang di Brunei Darussalam. Terangkan apa itu '*doctrine of precedent*' serta jelaskan satu contoh mahkamah di Brunei Darussalam bagaimana doktrin ini diaplikasikan.

(5 markah)

(b) Nyatakan kelebihan dan kelemahan '*precedent*'?

(5 markah)

(c) Terangkan perbezaan di antara '*ratio decidendi*' dan '*obiter dicta*' serta nyatakan satu contoh kes.

(5 markah)

**Soalan 3 (15 markah)**

a) Apa maksud 'Konvensyen' dalam perundangan perlembagaan dan beri contoh-contoh mengenainya?

(5 markah)

b) Bincangkan teori 'pengasingan kuasa' (*separation of powers*) dan cara bagaimana tiap-tiap satu badan itu terasing atau bebas daripada satu sama lain.

(5 markah)

c) Huraikan kedudukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

(5 markah)

**Soalan 4 (15 markah)**

Jawab **tiga** (3) daripada soalan-soalan berikut:

a) Common law dan ekuiti.

b) Jelaskan lima (5) perbezaan di antara Undang-undang Syariah dan undang-undang sivil.

c) Apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang awam dan undang-undang persendirian dan nyatakan kategori undang-undang awam?

d) Huraikan bidangkuasa Mahkamah Rayuan (Court of Appeal).

(5 markah setiap satu)

**Soalan 5 (15 markah)**

a) Jelaskan undang-undang yang dilaksanakan di Brunei Darussalam sebelum kedatangan British dan nyatakan contoh pelaksanaannya.

(5 markah)

b) Apakah undang-undang bertulis yang terdapat di Brunei Darussalam sebelum kedatangan British? Bincangkan satu (1) dari undang-undang tersebut serta terangkan isi kandungannya dan kedudukannya selepas kedatangan British.

(10 markah)

بالتوفيق والنجاح